



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENI TEMBIKAR TRADISIONAL TERENANG PAHANG: TRADISI DAN PERUBAHANNYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURUL IZZAH BINTI MOHD JOHARI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENI TEMBIKAR TRADISIONAL TERENANG PAHANG: TRADISI DAN PERUBAHANNYA

NURUL IZZAH BINTI MOHD JOHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SENI
PENGAJIAN SEJARAH SENI
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22.10.2012

NURUL IZZAH BINTI MOHD JOHARI
M20092001188



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii

DECLARATION

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

22.10.2012

NURUL IZZAH BINTI MOHD JOHARI
M20092001188



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan petunjuk-Nya saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sebaik mungkin. Penyelidikan ini adalah merupakan pelengkap kepada pengajian saya iaitu Ijazah Sarjana Seni dalam bidang Pengajian Sejarah Seni di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Dr. Tajul Shuaizam B. Said selaku penyelia utama disertasi saya ini kerana beliau telah menjadi contoh dan pembimbing terbaik kepada saya dalam menyempurnakan disertasi ini. Pemilihan daripada pihak Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, UPSI untuk menjadikan beliau sebagai penyelia utama disertasi saya adalah bertepatan dengan bidang yang saya kaji ini. Ucapan terima kasih ini juga khas untuk Dr. Abdul Halim Bin Husain selaku pensyarah saya dan Dr. Md. Nasir Ibrahim selaku Timbalan Dekan Pengajian Siswazah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, UPSI kerana telah membantu saya ketika proses penyediaan proposal serta membantu saya menyempurnakan disertasi ini. Jasa mereka tidak mungkin saya lupakan.

Sehubungan dengan itu, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Dato' Ibrahim Ismail kerana telah memberi peluang kepada saya menjalankan kajian mengenai tembikar ketika berlangsungnya Pameran Seramik 1 Malaysia 2010 pada 26 Februari hingga 28 Mac 2010. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Mohd Mokhzaine b. Alwi, selaku Pembantu Muzium Kanan dan Encik Nor Kyairil Idzham b. Aziz, selaku Penolong Kurator Unit Koleksi, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang kerana telah memberi kerjasama yang baik serta menyumbangkan beberapa informasi kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia kerana menjadi salah satu sumber rujukan utama kepada saya dalam melengkapkan penyelidikan mengenai tembikar tradisional ini. Di samping itu, jutaan terima kasih ditujukan khas kepada Adiguru Tembikar Tembeling 2006, Puan Noriah Bt Mohd Ali, dari Kampung Pasir Durian, Encik Mohammad Bin Zakaria, pengusaha Temin Kraf Enterprise, dari Jerantut, Pahang dan Dr. Salwa Ayob, pensyarah di Jabatan Seramik, FSSR, UiTM Perak kerana sudi menjadi partiisan utama dalam penyelidikan saya ini. Tidak lupa juga jasa Encik Meor Amirul Din Bin Aris, pengusaha Sentuhan Tembikar Kreatif, Enggor, Perak kerana menyumbangkan beberapa informasi yang menjadi pelengkap kepada kajian ini.

Akhir sekali, Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ayah dan bonda saya, Dr. Hj. Mohd Johari B. Ab. Hamid dan Puan Hjh. Latifah Binti Abdullah kerana telah memberi peluang dan galakan sepanjang saya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Seni di universiti pilihan saya ini. Penghargaan ini juga ditujukan khas buat suami tercinta iaitu Mohd Syedi Imran Bin Mohd Dawi dan anak tersayang, Syedi Ali Alauddin Bin Mohd Syedi Imran serta seluruh ahli keluarga saya dan keluarga mertua saya kerana sentiasa memberi tunjuk ajar, kritikan dan semangat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Semoga kalian dirahmati oleh Allah s.w.t dan jasa kalian mendapat ganjaran daripada-Nya, Insyaallah.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka seni tembikar tradisional Terenang Pahang. Kajian ini dipilih berdasarkan faktor pengusaha tembikar tradisional Terenang di Malaysia yang semakin berkurangan. Kajian ini juga dijalankan kerana fungsi tembikar tradisional Terenang sebagai barang utiliti semakin kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini. Faktor ini berlaku kerana kurangnya pendedahan mengenai keistimewaan dan keunikan tembikar tersebut kepada masyarakat umum. Oleh yang demikian, kajian terperinci dilaksanakan mengenai tembikar tradisional Terenang Pahang. Kajian ini menyentuh aspek sejarah tembikar tersebut secara umum, cara tembikar tersebut dihasilkan, jenis reka bentuk dan perubahan yang berlaku pada tembikar tersebut. Data dikumpul menggunakan kaedah pengkajian sejarah (Historiography) yang disempurnakan melalui kaedah temubual melibatkan beberapa partisipan utama iaitu Noriah Bt Mohd Ali selaku Adiguru Tembikar Tembeling, Mohammad Bin Zakaria selaku pengusaha Temin Kraf Enterprise dan Dr. Salwa Ayob selaku pengkaji awal mengenai tembikar tradisional Negeri Pahang. Selain itu, kaedah pemerhatian, analisis artifak, analisis daptan dokumen dan analisis data turut digunakan dalam kajian ini serta dianalisa melalui data pengkategorian. Melalui metod tersebut, daptan yang diperolehi memperlihatkan perubahan yang berlaku ke atas seni tembikar tradisional Terenang Pahang dari sudut reka bentuk, dekorasi motif dan fungsinya. Akhir sekali, kajian mengenai tembikar Terenang Pahang ini merupakan suatu kajian yang sangat penting untuk memberi inspirasi kepada para pengusaha agar dapat menghasilkan tembikar tersebut dengan lebih bervariasi. Selain itu, hasil kajian ini dapat mengetengahkan keistimewaan dan keunikan nilai estetik salah satu seni tembikar tradisional Melayu kepada masyarakat umum di Malaysia.





THE ART OF TRADITIONAL TERENANG PAHANG'S POTTERY: TRADITION AND THE CHANGES

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate and understand the traditional craft of Pahang's pottery called 'Terenang'. This research chosen based on a factor of the growth number of traditional 'Terenang' pottery entrepreneur is getting reduced. The researched also observe the deficient of production and its utility functions among the Malaysian. This happens due of lacked of exposure on the unique and specialty of 'Terenang' pottery among the societies. Hence, this research seeks to illuminate on 'Terenang', traditional pottery of Pahang state in Malaysia. The paper investigates the history of pottery and analyzed the techniques, design and processes used for man productions and it also looks at the development of 'Terenang' pottery. Data was collected by using historiography method with interviews Noriah Bt Mohd Ali as Master of Tembeling Pottery and as main participant, Mohammad Bin Zakaria, the entrepreneur of Temin Craft Enterprise and also Dr. Salwa Ayob as the early researcher on traditional potteries craft in Pahang. Besides, observation method, artifacts analysis, documentations analysis and data analysis were used in this research and then analyzed by categorical data. The outcome of the methods revealed how the pottery had changed in the aspect of design, motif of decoration and its function. Last but not least, the experience and results obtained in this study are used to generate inspiration in manufacturing. Other than that, it also exposes the unique of aesthetic value of 'Terenang' pottery as one of the Malay traditional pottery to the Malaysian society.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN



1.2 Permasalahan Kajian	10
1.3 Objektif Kajian	14
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Kerangka Konsep Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	28
2.2 Sejarah Tembikar Pra-Sejarah di Malaysia	35
2.3 Contoh Jenis-Jenis Tembikar Tradisional yang Terdapat di Semenanjung Malaysia	44
2.3.1 Pengenalan	44
2.3.2 Labu Tanah	45





2.3.3	Tembikar Mambong	48
2.3.4	Tembikar Tembeling	50
2.3.5	Antara Tokoh dan Generasi yang Terlibat dalam Perusahaan Tembikar Tembeling Pada Zaman Dahulu dan Kini	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendekatan Penyelidikan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Pengumpulan Data	62
3.3.1	Instrumen Pengumpulan Data	62
3.4	Fokus Kajian	63

BAB 4 TEMBIKAR TRADISIONAL TERENANG PAHANG

4.1	Pengenalan	65
4.2	Sejarah Kuala Tembeling	66
4.3	Seni Tembikar Tradisional Terenang Pahang	69
4.4	Sejarah Kewujudan Seni Tembikar Tradisional Terenang Pahang.	71
4.4.1	Asal-usul Terenang	71
4.4.2	Sejarah Lokasi Pembuatan Tembikar Tradisional Terenang	73
4.5	Bahan Asas dan Peralatan Tradisional dalam Pembuatan Tembikar Tradisional Terenang	75
4.5.1	Tanah	75
4.5.2	Ambong	78
4.5.3	Daun Tutak dan Bidai	78
4.5.4	Lepa	79
4.5.5	Badang	79





4.6 Proses Pembuatan Tembikar Tradisional Terenang Pahang 79

BAB 5 SENI REKA TEMBIKAR TRADISIONAL TERENANG

5.1	Pengenalan	90
5.2	Jenis-Jenis Reka Bentuk Tembikar Tradisional Terenang	92
5.3	Motif Reka Corak dan Ragam Hias Pada Tembikar Tradisional Terenang	95
5.4	Contoh-Contoh Ilustrasi Serta Gambar Motif Reka Corak dan Ragam Hias Yang Terdapat Pada Tembikar Tradisional Terenang Pahang	101
5.4.1	Motif Tapak Pelanduk	101
5.4.2	Motif Bunga Kelopak / Bulan Sabit	102
5.4.3	Motif Pucuk Rebung	103
5.4.4	Motif Silang Pangkah	104
5.4.5	Motif Bunga Kundur	105
5.4.6	Motif Bunga Sambar / Daun Semalu	106
5.4.7	Motif Bunga Ulan / Huruf 'S'	107
5.4.8	Motif Tampuk Manggis	108
5.4.9	Motif Siku Keluang	109
5.4.10	Motif 'Orang Lidi'	110
5.4.11	Motif Bulatan	111
5.5	Analisis Motif Reka Corak dan Ragam Hias Yang Terdapat Pada Tembikar Tradisional Terenang Pahang	112
5.6	Rumusan Seni Reka Tembikar Tradisional Terenang Pahang	113





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

BAB 6 PERUBAHAN KE ATAS SENI TEMBIKAR TERENANG NEGERI PAHANG

6.1	Pengenalan	114
6.2	Perbezaan Alatan dan Bahan yang Digunakan dalam Proses Pembuatan Tembikar Terenang Dahulu dan Terkini	117
6.2.1	Tanah	117
6.2.2	Teknik	118
6.2.3	Proses Pembakaran	119
6.3	Reka Bentuk dan Ragam Hias Tembikar Terenang Terkini	121
6.4	Fungsi Terkini Tembikar Terenang Pahang	122
6.5	Analisis Perubahan Seni Tembikar Terenang Pahang	126
6.5.1	Rumusan Analisis Perubahan Seni Tembikar Terenang Pahang	128

BAB 7**KESIMPULAN DAN CADANGAN**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

7.1	Kesimpulan Kajian	131
7.2	Cadangan	135

RUJUKAN

139

LAMPIRAN A

148

LAMPIRAN B

149

LAMPIRAN C

150

LAMPIRAN D

151

LAMPIRAN E

152

LAMPIRAN F

155

LAMPIRAN G

155

LAMPIRAN H

160

LAMPIRAN I

166

176



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

LAMPIRAN J	179
LAMPIRAN K	180
LAMPIRAN L	184
LAMPIRAN M	185



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Contoh Pentarikhan Radiokarbon	44
2.2 Ukuran Tembikar Terenang Koleksi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang	50
2.3 Ukuran Belanga Tembeling Koleksi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang	52
3.1 Matriks Pengumpulan Data	64
5.1 Ilustrasi Reka Corak Motif Daripada Puan Noriah Bt Mohd Ali	98
5.2 Analisis Motif Reka Corak dan Ragam Hias yang Terdapat pada Tembikar Tradisional Terenang Pahang	112
6.1 Analisis Perubahan Ke Atas Seni Tembikar Terenang Pahang	126





SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konsep Seni Rupa Terapan yang Diketengahkan oleh Adien Gunarta (2010)	15
1.2 <i>Venn-Diagram</i> Konsep Seni Tembikar Tradisional Terenang Pahang	18
2.1 Elemen-elemen dalam Proses Penghasilan Produk Kraftangan	33
4.1 Peta Jerantut	66
4.2 Peta Kedudukan Tanah Rezab Miskin	75





SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka surat
2.1 Seramik Pra-Sejarah	38
2.2 Pengkebumian yang diamalkan oleh masyarakat Proto Sejarah Kuala Selinsing yang menunjukkan keadaan tinggalan rangka Manusia bersama-sama tembikar serta alat perhiasan diri Semasa dijumpai dalam kerja-kerja ekskavasi tahun 1932	39
2.3 Tembikar berkaki tiga (replika) dari Bukit Keplu, Kodiang, Kedah Darul Aman	39
2.4 Bekas pembakar setanggi dari China	41
2.5 Serpihan Tembikar	42
2.6 Labu Sayong (tradisional)	47
2.7 Labu Sayong (terkini)	47
2.8 Motif Tembikar	47
2.9 Labu Sayong Dimensi Baharu	47
2.10 Tembikar Mambong	49
2.11 Periuk Mambong	49
2.12 Terenang Tanah Tembeling	51
2.13 Belanga Tembeling	52
4.1 Tembikar Terenang	70
4.2 Tanah liat dari Tanah Rezab Miskin	77
4.3 Puan Noriah menunjukkan tanah liat yang sedang direndam dan tanah liat yang telah lembut	83
4.4 Proses Menumbuk Tanah	84
4.5 Proses menguli tanah liat	85
4.6 Proses menempa tanah liat yang dilakukan oleh Puan Noriah	85





4.7	Proses menerap motif corak pada tembikar tradisional Terenang	86
4.8	Kayu acuan corak milik Puan Noriah Bt Mohd Ali	86
4.9	Batu sungai pelbagai bentuk yang digunakan oleh Puan Noriah ketika proses mengokot dan menggosok tembikar Terenang	87
4.10	Proses pengeringan tembikar tradisional Terenang Pahang	88
4.11	Contoh cara penyusunan kayu ketika proses pembakaran tembikar secara tradisional	89
5.1	Contoh Tembikar Tradisional Terenang Tanpa Penutup dan Tanpa Pelapik Kaki	92
5.2	Contoh Tembikar Tradisional Terenang Berpenutup	93
5.3	Contoh Tembikar Tradisional Terenang Berpenutup dan Berkaki	94
5.4	Bahagian Pada Tembikar Tradisional Terenang Pahang	95
5.5	Motif reka corak dan ragam hias oleh Noriah Bt Mohd Ali	97
5.6	Contoh Motif Tapak Pelanduk	101
5.7	Contoh Motif Bunga Kelopak / Bulan Sabit	102
5.8	Contoh Motif Pucuk Rebung	103
5.9	Contoh Motif Silang Pangkah	104
5.10	Contoh Motif Bunga Kundur	105
5.11	Contoh Motif Bunga Sambar / Daun Semalu	106
5.12	Contoh Motif Bunga Ulan / Huruf ‘S’	107
5.13	Contoh Motif Tampuk Manggis	108
5.14	Contoh Motif Siku Keluang.	109
5.15	Contoh Motif ‘Orang Lidi’	110
5.16	Contoh Motif Bulatan	111
6.1	Tanah Paya Yang Telah Siap Dibancuh	118
6.2	Acuan Tembikar Terenang Moden	119





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

6.3	Pembakaran menggunakan tanur gas	121
6.4	Contoh Tembikar Terenang Moden Berglasir Milik Mohammad Bin Zakaria	121
6.5	Contoh Tembikar Terenang Berbetuk Teko	123
6.6	Contoh Cenderamata Tembikar Terenang	124
6.7	Contoh Tembikar Terenang Sebagai Barang Perhiasan	126



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Seramik atau tembikar adalah merupakan produk yang diperbuat daripada bahan mentah dari sumber alam semula jadi seperti tanah liat, dan pasir kuarza (batu baiduri), kemudian dibentuk dan dibakar pada tahap suhu yang tertentu untuk menjadikan objek tadi keras, kuat dan kedap air.

Perkataan seramik diambil dari perkataan bahasa Inggeris iaitu *ceramic*. Perkataan tersebut berasal dari Yunani dan secara zahirnya merujuk kepada semua bentuk tanah liat. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah moden telah meluaskan penggunaannya iaitu merangkumi bahan bukan logam bukan organik. Sehingga



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



tahun 1950an, yang paling penting adalah tanah liat tradisional, yang dijadikan sebagai barang tembikar (*pottery*), batu bata, jubin dan seumpama dengannya.¹

Berdasarkan petikan dari buku yang berjudul '*The Changing Face of Malaysian Crafts Identity, Industry and Ingenuity*' karya Barbara Leigh (2000) ada menyatakan tembikar sebagai salah satu seni kraf tangan yang terawal kepada manusia. Pada zaman purba, ia merupakan permulaan hubungan manusia dengan tanah. Tetapi lebih secara praktis dengan pelbagai jenis pinggan, mangkuk dan bekas menyimpan air, melengkapkan tempat untuk menyimpan barang-barang dan bekas untuk makanan yang dimasak. Kepelbagai mineral dalam komposisi pada tanah tersebut mungkin dapat memberi kesan kepada hasil produk. Manakala kepelbagai dalam proses pembuatan produk mewujudkan perbezaan dari segi reka bentuk serta



Oleh yang demikian, jelaslah bahawa penggunaan tembikar dalam masyarakat telah bermula sejak dahulu lagi. Penggunaan produk tanah liat tersebut seiring dengan perkembangan masyarakat setempat yang menggunakan bahan alam sebagai alat atau media untuk membantu kelangsungan kehidupan.

¹Onemahmud. (2010). *Keunikan Seni Seramik Islam*. Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/2867590/Keunikan-Seni-Seramik-Islam>

*Diubahsuai berdasarkan kenyataan: -

'Perkataan seramik diambil dari perkataan bahasa Inggeris (*ceramic*) berasal dari Yunani, dan secara harafiahnya merujuk kepada semua bentuk tanah liat. Bagaimanapun, penggunaan istilah moden meluaskan penggunaannya untuk merangkumi bahan bukan logam bukan organik. Sehingga tahun 1950an, yang paling penting adalah tanah liat traditional, yang dijadikan barang tembikar (*pottery*), batu bata, *tile* dan seumpamanya, bersama dengan simen dan kaca. Kraf tradisional dijelaskan dalam rencana tembikar.'

² Barbara Leigh. (2000). *The Changing Face of Malaysian Crafts Identity, Industry and Ingenuity (Earthenware: Early History)*. New York: Oxford University Press.





Petikan dari buku yang berjudul ‘Seni Tembikar’ keluaran Siri Seni Kraf tangan Malaysia karya Panel Penulis PCT (2007) ada menyatakan bahawa tembikar merupakan salah satu hasil kraf tangan tradisional yang diperbuat daripada tanah liat. Penggunaan dan perkembangan tembikar dipercayai bermula sejak zaman Neolitik. Hal ini dibuktikan dengan penemuan beberapa artifak serpihan tembikar di beberapa tempat oleh ahli arkeologi. Antara tempat-tempat tersebut adalah seperti di Pahang, Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak.³

Selain daripada negeri-negeri tersebut, penemuan beberapa artifak di tapak atau tempat ekskavasi oleh para ahli arkeologi juga terdapat di negeri lain seperti Kelantan dan Perlis.



bahawa upacara menanam mayat bersama-sama tembikar telah bermula sejak 5000 tahun silam oleh masyarakat Neolitik. Masyarakat tersebut merupakan masyarakat petani awal Gua Cha di Kelantan dan Bukit Tungku Lembu di Perlis. Walau bagaimanapun, tradisi ini diteruskan pula oleh masyarakat zaman logam dengan bukti penemuan tapak pengebumian zaman gangsa di Gua Harimau, Perak yang dianggarkan berusia 3000 tahun yang lampau. Masyarakat pesisir pantai di Kuala Selingsing pula menggunakan seramik atau tembikar tanah dalam upacara ritual pengebumian iaitu dengan cara meletakkan seramik bersama mayat si mati di dalam perahu sebagai bahan iringan.⁴

³ Panel Penulis PCT (2007). *Seni Tembikar*. Siri Seni Kraf tangan Malaysia Penerbitan PCT Sdn. Bhd.

⁴ Pameran Seramik 1 Malaysia (2010). *Seramik Pra-Sejarah: Tinggalan Abadi*. Kuala Lumpur: Muzium Malaysia.

*Diubahsuai berdasarkan kenyataan: -

‘Penemuan arkeologi telah membuktikan bahawa upacara menanam mayat bersama-sama tembikar ini mula diamalkan sejak 5,000 tahun silam oleh masyarakat Neolitik yang merupakan masyarakat petani awal Gua Cha di Kelantan dan Bukit Tungku Lembu di Perlis. Tradisi ini diteruskan oleh masyarakat zaman logam dengan penemuan tapak pengkebumian zaman gangsa di Gua Harimau, Perak yang dianggarkan berusia 3000 tahun yang lampau. Masyarakat pesisir pantai di Kuala Selingsing pula





Akan tetapi, Sulaiman Zakaria (2007) menyatakan bahawa penghasilan tembikar telah wujud sejak zaman Mesolitik. Tradisi pembuatan tembikar kemudiannya berkembang ke zaman Neolitik seterusnya sehingga zaman sekarang. Ia dijadikan sebagai hasil kraf tangan. Perkakas yang diperbuat daripada tanah liat ialah seperti cawan, mangkuk, pasu dan sebagainya. Tembikar juga dikenali dengan istilah seramik.⁵

Menurut beliau lagi, kepelbagaian reka bentuk dan ragam hias dalam penghasilan seni tembikar tradisional telah menjadikan tembikar sebagai salah satu khazanah berharga dalam bidang seni kraf negara. Keindahan reka corak dan hiasan yang terdapat pada tembikar tradisional diperlihatkan melalui proses kreativiti pembuatnya dalam mengeksplorasi alam semula jadi kepada motif reka corak yang bermakna dan menarik. Keunikuan dan keaslian reka bentuk serta reka corak tembikar tradisional menjadikan ia sebagai salah satu hasil kraf yang berkembang dalam arus pembangunan negara.

Kegiatan perusahaan tembikar tradisional masih dijalankan di beberapa tempat di Malaysia. Antara kawasan yang menghasilkan tembikar di negara ini ialah di Kuala Krai, Kelantan, Sayong, Perak dan Kampung Pasir Durian, Hulu Tembeling, Pahang. Pelbagai jenis barang yang telah dihasilkan oleh tiga buah negeri tersebut adalah merangkumi seperti labu, geluk, buyung, Terenang, belanga, perasap, tempayan dan periuk. Tiga daripada tembikar ini iaitu labu Sayong (Perak), tembikar Terenang (Pahang) serta tembikar Mambong (Kelantan) boleh diketengahkan. Negeri-negeri

menggunakan seramik atau tembikar tanah dalam ritual pengkbumian dengan cara meletakkan seramik bersama mayat si mati di dalam perahu sebagai bahan irigan.⁶

⁵ Sulaiman Zakaria. (2007). *Siri Seni Warisan Hasil Kraf Tangan*. Power Press & Design Sdn Bhd.





lain juga tidak ketinggalan dalam kegiatan ini cuma beberapa faktanya tidak dapat dikumpulkan kerana kegiatan ini tidak wujud lagi. Alor Merah di Kedah misalnya, pernah menjadi sebuah pusat kegiatan membuat tembikar tetapi kini tidak lagi diusahakan.⁶

Oleh dengan itu, kajian penyelidikan ini memberi fokus kepada kesenian tembikar Terenang yang mana tembikar tersebut adalah merupakan tembikar tradisi yang telah bertapak sejak dari zaman dahulu lagi. Tembikar Terenang juga dikatakan adalah salah satu hasil kraf yang menjadi warisan berasal dari Negeri Pahang.

Negeri Pahang Darul Makmur merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Negeri ini meliputi kawasan seluas 35956 kilometer persegi.



Negeri Pahang terbahagi kepada sembilan daerah iaitu Cameron Highlands, Kuala Lipis, Raub, Bentong, Jerantut, Temerloh, Kuantan, Kuala Pahang dan Rompin. Ibu Negeri Pahang ialah Kuantan manakala Pekan adalah Bandar DiRaja. Hasil kraf tangan daripada tanah liat yang terkenal di Negeri Pahang dikenali sebagai Tembikar Tembeling.

Kampung Pasir Durian merupakan kawasan yang terkenal dengan perusahaan membuat kraf tangan daripada tanah liat di Negeri Pahang. Kampung ini terletak di dalam mukim Kuala Tembeling, daerah Jerantut. Jarak antara Kuala Tembeling dengan Jerantut adalah kira-kira 16 kilometer. Perjalanan ke Kampung Pasir Durian dari Hulu Selangor mengambil masa kira-kira 3 jam dengan menggunakan kenderaan darat.

⁶ Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf. (2005). *Tembikar Tradisional*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia.





Keistimewaan produk kraf Tembikar Tembeling ialah keunikan tanah liatnya yang halus. Di Kampung Pasir Durian ini terdapat sekeping tanah seluas enam ekar yang mengandungi tanah liat yang paling sesuai untuk pembuatan tembikar. Pada tahun 1919, tanah ini telah dirizabkan dengan nama ‘Tanah Miskin’ untuk dimanfaatkan oleh golongan yang berkenaan. Sebelum digunakan, tanah tersebut perlu direndam dan ditumbuk untuk memastikan kualitinya dan bebas dari batu, pasir serta kayu.⁷

Tanah Rezab Miskin yang terdapat di kampung tersebut adalah satu-satunya sumber tanah yang paling sesuai untuk menghasilkan Tembikar Tembeling Pahang. Begitulah uniknya tanah liat yang terdapat di tanah rezab tersebut dalam penghasilan tembikar tradisional Negeri Pahang.



Pada hakikatnya, perkembangan pembuatan barang tembikar di Kuala Tembeling telah bermula sejak lebih 3000 tahun dahulu. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan beberapa alat batu oleh para arkeologi negara yang menunjukkan perkembangan pembuatan alat-alat batu dan perkakas tembikar di mana pentarikhannya lebih 3000 tahun.

Oleh yang demikian, Adi Taha (2001) membuat andaian bahawa tembikar merupakan suatu unsur penting bagi mengetahui perkembangan tamadun manusia pada zaman pra-sejarah. Perkara ini diperjelaskan melalui kenyataan beliau iaitu;

⁷ Kraf tangan Malaysia. (2010). *Adi Guru Hasil Tanah*. Diperoleh daripada http://www.kraftangan.gov.my/craft_adiguru/details/19/?menuid=26





“Tembikar merupakan satu unsur penting dalam memahami dan mengetahui perkembangan sejarah kebudayaan masyarakat kerana ia melambangkan keupayaan manusia masa pra-sejarah menembusi satu kaedah pembuatan dan pengeluaran atau teknologi bagi kesejahteraan masyarakat tersebut.”⁸

Kebudayaan masyarakat pada zaman Neolitik telah bermula kira-kira 3000 tahun atau 4000 tahun yang lampau di mana masyarakat ketika itu telah melalui satu pembaharuan dari segi gaya hidup dan pencapaian teknologi yang dinamik.

Masyarakat pada zaman tersebut telah mula mendirikan rumah dan menetap di kawasan lapang serta mengusahakan ladang ternakan. Manakala gua-gua hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan dan tempat pengkbumian. Alat-alat batu hasil buatan tangan yang halus dan licin yang berfungsi sebagai alatan untuk menebas dan menebang pokok-pokok besar adalah merupakan ciri-ciri utama kebudayaan

masyarakat ini.⁹ Masyarakat pada zaman ini juga menghasilkan alat-alat seperti periuk-periuk tembikar dan alat-alat perhiasan diri serta mempunyai daya imaginasi yang dipamerkan melalui lukisan di dinding gua batu.⁹

Penemuan serpihan-serpihan tembikar tersebut memberi gambaran bahawa teknik pembuatan tembikar oleh masyarakat ketika itu adalah diperingkat sederhana. Ia bermula dengan teknik buatan tangan di mana ketulan-ketulan tanah liat diuli akan dibentuk dan kemudiannya dihalusi sebelum dibakar. Teknik ini kemudiannya berkembang dengan wujudnya penggunaan teknik tekapan batu atau dikenali dengan

⁸ Adi Taha. (2001). Tembikar Prasejarah di Malaysia: Satu survey. Dalam *Tembikar Dari Warisan ke Wawasan* (m.s. 14). Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor.

⁹ Matthew J. M. (1959). Rock Paintings near Ipoh. MIH, Vol. 5. Dalam Zulkifli Jaafar (2001) *Pahang Meniti Zaman: Prasejarah Pahang Darul Makmur Dengan Pengkhususan Penyelidikan Arkeologi Hulu Tembeling* (m.s. 1-15). Pahang: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang.

*Dibahsuai berdasarkan kenyataan:-

‘Mereka telah menetap di kawasan lapang dengan mendirikan rumah-rumah, membuka ladang dan menternak binatang. Gua-gua hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan dan tempat pengkbumian. Ciri-ciri utama kebudayaan ini adalah alat-alat batu yang menampakkan perbuatannya yang halus dan licin di mana ia lebih berfungsi untuk menebas dan menebang pokok-pokok yang besar. Masyarakat ini juga menghasilkan alat-alat seperti periuk-periuk tembikar dan alat-alat perhiasan diri serta mempunyai daya imaginasi yang dipamerkan melalui lukisan di dinding gua batu.’





isitlah *peddle and anvil technique* sebagai salah satu cara yang digunakan dalam teknik ragam hias tembikar.

Menurut Zulkifli Jaafar (2001), apabila berkembangnya penggunaan logam, pembuatan perkakas tembikar bertambah meluas di mana bentuk-bentuk dan corak ragam hiasnya menjadi semakin unik serta menarik terutama bahagian ragam hias yang ditekan, gores dan diukir.¹⁰

Penyelidikan ini dijalankan secara khusus mengenai seni tembikar tradisional Terenang yang berasal dari Negeri Pahang. Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berpandukan kepada Teori Seni Rupa Terapan yang mempunyai kaitan dengan Ekologi Budaya dalam bidang Antropologi. Dalam teori tersebut ada menekankan tentang elemen ‘Kecerdasan’, ‘Perasaan’ dan ‘Pengetahuan’ yang dipengaruhi oleh ‘Situasi Persekitaran’ untuk menghasilkan suatu karya ‘Seni Rupa’.

Petikan dalam MJA1013 Pengantar Sains Sosial Modul 4 Antropologi (2009), menyatakan pandangan Julian Steward mengenai ekologi budaya iaitu menekankan tentang kepelbagaiannya dalam mengkaji budaya dan menolak keseragaman dalam tahap-tahap perkembangan budaya sebagai berkembang mengikut arah tertentu. Ia juga menekankan kepada kepentingan interaksi pelbagai faktor seperti persekitaran, cuaca, bentuk muka bumi dan faktor-faktor budaya seperti kegiatan ekonomi, adat resam, struktur organisasi sosial, teknologi dan seumpamanya.¹¹

¹⁰ Zulkifli Jaafar. (2001). Prasejarah Pahang Darul Makmur Dengan Perkhususan Penyelidikan Arkeologi Hulu Tembeling. Dalam Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang (Ed.) *Pahang Meniti Zaman* (m.s. 1-15). Pahang.

¹¹ MJA1013 Pengantar Sains Sosial Modul 4 Antropologi. (2009). Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/18047879/sains-sosial-bab-4Antropologi>





Di samping itu, menurut Tjetjep Rohendi Rohidi (2009), perilaku sosial setiap manusia mengandungi makna penting atas hubungan mereka dengan persekitaran. Faktor-faktor persekitaran tersebut termasuklah teknologi dan informasi, mempunyai potensi positif dan kreatif dalam proses-proses budaya. Dari sudut seni, ekologi budaya melihat seni dalam kaitannya dengan persekitaran dan perubahan-perubahannya.¹²

Berpandukan kepada teori tersebut, penyelidikan yang dilaksanakan ini melibatkan kajian mengenai sejarah asal usul seni tembikar tradisional Terenang secara umumnya. Ia menekankan aspek reka bentuk dan ragam hias dari sudut tradisi dan perubahan ke atas tembikar tersebut serta fungsinya.



tembikar tanah liat hasil kraf tangan utama dihasilkan oleh masyarakat yang mendiami lembah Tembeling. Jika dibandingkan dari segi teknik buatan dan ragam hias, ciri-cirinya masih wujud dan diwarisi oleh pembuat-pembuat tembikar Melayu tradisi yang terdapat di Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling.

Oleh yang demikian, bertapa pentingnya penyelidikan sebegini supaya dapat mengetengahkan pengetahuan mengenai sejarah kewujudan serta nilai estetik yang terdapat pada seni tembikar tradisional khususnya tembikar Terenang kepada masyarakat Malaysia.

¹² Tjetjep Rohendi Rohidi. (2009). *Seni Dalam Sorotan Epistemologi Kebudayaan*. Disertasi yang tidak diterbitkan, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.





1.2 Permasalahan Kajian

Masyarakat Malaysia pada hari ini kurang didedahkan dengan kewujudan seni tembikar tradisional Terenang Pahang. Bilangan pengusaha tembikar tersebut yang semakin berkurangan dan generasi baru yang kurang berminat mengusahakannya menjadi salah satu faktor tembikar tersebut kurang diberi perhatian di kalangan masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh pendapat Adiguru Tembikar Tembeling, Noriah Binti Mohd Ali (2011), iaitu:-

“Sekarang ini orang-orang muda sudah tidak berminat hendak mewarisi kemahiran membuat tembikar ini.”

Tambahan beliau;

“Tak boleh pitih dapat selalu (sukar untuk dijual),”¹³



Kesukaran untuk dipasarkan menjadi suatu kekangan kepada kesenian warisan tembikar tradisional Terenang Pahang ini untuk menjana pendapatan pengusaha dan menjadi perhatian dalam kalangan masyarakat umum. Oleh yang demikian, ia menjadi salah satu faktor mengapa generasi muda hari ini kurang berminat menceburι bidang perusahaan tembikar tersebut.

Di samping itu, kurangnya publisiti melalui media seperti artikel dalam akhbar, jurnal, majalah dan laman sesawang mengenai tembikar Terenang Pahang berbanding tembikar tradisional Malaysia yang lain menjadikan ia salah satu faktor tembikar tersebut kurang dikenali dalam masyarakat umum.

¹³ Noriah Binti Mohd Ali. (2011). Pengenalan (autobiografi no.A5) di Kampung Pasir Durian. Kuala Tembeling. Jerantut, Pahang. Temubual, 16 Februari.





Sebagai contoh, artikel dari Utusan Malaysia (2008) ada menyatakan tentang populariti tembikar tradisional Malaysia tetapi tembikar Terenang Pahang tidak disenarai dalam kenyataan tersebut, iaitu: -

“Di Malaysia, hasil seni tembikar yang terkenal ialah labu Sayong dan pasu Sarawak yang juga merupakan kraf kebanggaan negara dan telah terkenal di seluruh dunia.”¹⁴

Selain daripada itu, seni tembikar Terenang Pahang juga kurang diberi perhatian oleh sesetengah pihak. Ini dapat dibuktikan iaitu pengiktirafan negara melalui Jabatan Warisan Negara tidak mengisyiharkan tembikar Terenang Pahang sebagai salah satu Warisan Kebangsaan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, selaku Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan di Bangunan Sultan Abdul Samad pada tanggal 10 Mei 2012. Perisytiharaan tersebut hanya mengiktiraf satu tembikar tradisional Malaysia iaitu Labu Sayong yang dikategorikan sebagai salah satu Warisan, Busana, Tekstil, Seni Hias Diri dan Kraf.¹⁵

Selain daripada permasalahan tersebut, seni tembikar Terenang Pahang sebenarnya mempunyai kekuatan dari sudut keunikan seni yang wajar ditonjolkan kepada masyarakat umum. Keunikan seni tersebut merangkumi sejarah kewujudannya, revolusi reka bentuk, reka motif, dekorasi corak dan fungsi tembikar tersebut.

¹⁴ Tembikar Warisan Tradisi. (2008). Diperoleh daripada Utusan Malaysia Online

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0407&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_02.htm

¹⁵ Jabatan Warisan Negara Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan. (2012). Perisytiharan Warisan Kebangsaan. Kuala Lumpur.





Sungguhpun seni tembikar tradisional Terenang Pahang kurang diberi perhatian masyarakat umum berbanding dengan tembikar-termebikar yang lain, namun terdapat segelintir pihak yang masih cuba mempertahankan kesenian warisan tersebut.

Antara pihak yang masih mempertahankan kesenian teambikar Terenang Pahang ini ialah Adiguru Tembikar Tembeling, Noriah Binti Mohd Ali yang berasal dari Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang dan pengusaha Temin Kraf Enterprise iaitu Mohammad Bin Zakaria yang menetap di Kampung Temin, Jerantut, Pahang.

Kedua-dua generasi tersebut masih mengusahakan tembikar Terenang Pahang mengikut pendekatan yang berbeza dan tersendiri. Noriah Binti Mohd Ali, adiguru yang telah berusia mencapai 78 tahun ini masih menghasilkan tembikar tradisional Terenang Pahang. Manakala Mohammad Bin Zakaria, pengusaha tembikar yang berusia 43 tahun ini mengusahakan produk tembikar Terenang berunsurkan moden. Walau bagaimanapun, cara dan teknik penghasilan tembikar Terenang yang diaplikasikan oleh kedua-dua generasi ini tidak lagi menggunakan teknik lama kerana teknik tersebut telah mengalami perubahan sejajar dengan teknologi masa kini.

Selain daripada permasalahan pendedahan mengenai tembikar Terenang kepada masyarakat umum dan perubahan teknik penghasilannya, perubahan yang berlaku ke atas reka bentuk, ragam hias pada tembikar tersebut serta kemahiran pembuatan tembikar tersebut tidak diwarisi juga diberi penekanan dalam kajian ini.





Menurut Syed Ahmad Jamal (1992), Terenang dihiasi dengan turisan menggunakan bilah pelarik yang dibuat daripada buluh dan dengan alat membuat bunga yang dibuat daripada kayu merbau. Bunga-bunga hiasannya berasaskan alam sekitar misalnya, kelompok, sambas, bunga cengkih, tampuk manggis (tumbuh-tumbuhan), tapak pelanduk, dan belalang bercula (haiwan).¹⁶ Namun kini, teknik dan motif ragam hias pada tembikar Terenang Pahang telah mengalami perubahan mengikut kehendak dan permintaan pengguna masa kini.

Sehubungan dengan pernyataan masalah tersebut, pengkaji menjalankan kajian mengenai sejarah kewujudan seni tembikar tradisional Terenang di Negeri Pahang secara umum. Kajian ini menghuraikan dari segi aspek persekitaran, faktor sosio budaya masyarakat setempat dan cara penghasilan seni tembikar tradisional tersebut.



Manakala perkara kedua pula ialah kajian mengenai aspek kepelbagaiannya elemen pada tembikar tradisional Terenang. Kepelbagaiannya elemen tersebut ialah merangkumi reka bentuk, reka corak dan ragam hias serta fungsi tembikar tradisional tersebut.

Akhir sekali, perkara yang disentuh dalam pernyataan masalah penyelidikan ini ialah perubahan yang berlaku pada seni tembikar tradisional Terenang. Aspek perubahan yang ingin dikaji ialah berdasarkan pada material yang digunakan, teknik pembuatan dan dekorasi ragam hiasnya serta aspek utiliti tembikar tradisional tersebut kepada masyarakat.

¹⁶ Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa & Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.





1.3 Objektif Kajian

- A) Mengkaji sejarah kewujudan seni tembikar tradisional Terenang secara umum serta mengetahui cara tembikar tradisional tersebut dihasilkan.
- B) Menyelidik dan mengkaji jenis reka bentuk tembikar tradisional Terenang.
- C) Mengetahui perubahan yang berlaku pada seni tembikar tradisional Terenang dahulu hingga ke hari ini dari sudut fungsi dan dekorasinya.
- D) Mengenalpasti faktor penyebab kepada perubahan yang berlaku ke atas seni tembikar tradisional Terenang Pahang.



1.4 Persoalan Kajian


- A) Bagaimanakah kewujudan seni tembikar tradisional Terenang di Negeri Pahang?
- B) Apakah jenis reka bentuk tembikar tradisional Terenang?
- C) Apakah perubahan yang berlaku pada seni tembikar tradisional Terenang?
- D) Mengapakah perubahan ke atas seni tembikar tradisional Terenang boleh berlaku?





1.5 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kerangka konsep yang dijadikan sebagai panduan kaedah pengkajian seni tembikar tradisional Terengganu Pahang. Kerangka konsep ini diadaptasi dari Konsep Seni Rupa Terapan yang diutarakan oleh Adien Gunarta sebagai sumber konsep kajian terhadap tembikar Terengganu Pahang.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Seni Rupa Terapan yang Diketengahkan oleh Adien Gunarta (2010)

Menurut Adien Gunarta (2010), seni diklasifikasikan kepada dua bahagian. Pertama, merujuk kepada benda atau karya seni rupa sebagai bentuk ekspresi yang lazimnya dikenali sebagai faktor intra-estetik. Bahagian yang kedua pula merujuk kepada muatan, latar belakang atau faktor-faktor yang menyokong kewujudan karya seni rupa tersebut. Faktor tersebut dipanggil sebagai faktor ekstraestetik.¹⁷

¹⁷ Tjetjep Rohendi Rohidi. *Kajian Interdisiplin, Implementasi Paradigmatik, dan Implementasinya dalam Penelitian Seni Rupa*. Disertasi yang tidak diterbitkan, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.





Berdasarkan ‘Konsep Seni Rupa Terapan’ yang diketengahkan oleh Adien Gunarta, ia digunakan sebagai satu konsep yang boleh dibuktikan melalui kajian seni tembikar tradisional Terenang Pahang. Kerangka konsep ini menjelaskan bahawa terdapat lima elemen penting bagi kewujudan sesuatu karya seni rupa. Elemen-elemen tersebut ialah ‘Kecerdasan’, ‘Perasaan’ dan ‘Pengetahuan’ yang dipengaruhi oleh elemen ‘Situasi dan Persekutaran’. Menurut Adien Gunarta (2010);

“Bentuk kebudayaan yang paling sederhana muncul pada zaman batu. Hal tersebut berkaitan dengan tingkat kecerdasan, perasaan dan pengetahuan yang disesuaikan dengan situasi dan kondisi yang dihadapi pada zaman itu. Untuk menunjang kelangsungan hidup, mereka membuat alat-alat dari bahan-bahan yang diperoleh di alam sekitar mereka.”¹⁸

Kenyataan tersebut menerangkan bahawa pada zaman pra-sejarah telah mula terbentuk suatu kebudayaan dalam masyarakat pada waktu itu. Kebudayaan tersebut mempunyai hubungkait dengan perkembangan kecerdasan, perasaan dan pengetahuan yang dipengaruhi dengan situasi dan keadaan pada zaman tersebut. Pada ketika itu, manusia telah mula mencipta pelbagai alatan dari sumber bahan yang terdapat di persekitaran mereka sebagai alatan kegunaan harian bagi meneruskan kehidupan.

Kedua-dua ini dikaitkan dengan situasi yang berlaku pada penduduk Kuala Tembeling, iaitu masyarakat di situ ketika era tahun 1225 telah wujud aktiviti perusahaan tembikar yang diperbuat daripada tanah liat hasil sumber yang terdapat di persekitaran kampung mereka. Berbekalkan kecerdasan, perasaan dan pengetahuan yang dipengaruhi dengan situasi dan keadaan pada ketika itu, perusahaan tersebut berkembang bukan sekadar sebagai peralatan kegunaan harian mereka, malahan juga

¹⁸Adien Gunarta. (2010). *Konsep Karya Seni Rupa Terapan Bentuk (Konsep Karya Seni Rupa Terapan)*. Diperoleh dari <http://www.scribd.com/doc/26800313/A-Konsep-Karya-Seni-Rupa-Terapan-Bentuk>





menjadi barang dagangan bagi menjana ekonomi kehidupan mereka pada zaman itu. Kenyataan tersebut dibuktikan melalui pernyataan:-

“Ini membuktikan bahawa antara tahun-tahun 1225 hingga 1349 sudah ada perdagangan dua hala secara pertukaran barang di Tembeling dengan Negeri China, Siam dan lain-lain negeri. Dengan adanya aktiviti perdagangan dua hala ini mungkin mendatangkan pengalaman dan membuka mata serta mengilhamkan penduduk tempatan untuk berkecimpung dalam perusahaan-perusahaan kecil ‘*cottage industry*’ membuat barang siap daripada bahan-bahan mentah tempatan seperti perusahaan tanah liat tembeling di kampung-kampung sepanjang Sungai Tembeling seperti Kampung Labu, Kampung Chebong, Kampung Jong Berlabuh di bahagian Tembeling Tengah dan Kampung Pasir Durian di bahagian Kuala Tembeling daerah Jerantut.”¹⁹

Selain dari itu, Salwa Ayob (2012) turut memperakui bahawa Kuala Tembeling merupakan salah satu kawasan yang pesat dengan aktiviti perdagangan suatu ketika dahulu berdasarkan kenyataan beliau iaitu;

“Selain dari itu, Kuala Tembeling merupakan salah satu tempat perdagangan yang pesat suatu ketika dahulu. Buktinya ialah ketika saya menjalankan kajian,²⁰ saya ada menjumpai beberapa serpihan tembikar-tembikar China ditimbang-tebing sungai Kuala Tembeling.”²⁰

Adien Gunarta (2010) juga ada mengatakan bahawa karya seni merupakan suatu hasil tangan atau lebih dikenali dengan istilah kraf tangan. Karya seni rupa bukan sekadar mempunyai aspek dan nilai keindahan, malah turut menekankan aspek fungsinya yang tersendiri. Ini bermakna, seni kraf tangan dicipta adalah sebagai peralatan kegunaan harian manusia bagi meneruskan kehidupan seperti yang beliau jelaskan sebelum ini di samping mengekalkan nilai estetik pada karya tersebut. Ini berdasarkan pernyataan beliau;


¹⁹ Mohd. Mokhtar Bin Abu Bakar (1979). Perusahaan Tanah Liat Tembeling Di Kampung Pasir Durian Kuala Tembeling, Jerantut Pahang. Dalam *Pamiran Kerajinan Tangan Wanita* (m. s. 10). Pekan: Muzium Sultan Abu Bakar.

²⁰ Salwa Ayob. (2012). Ekonomi (autobiografi no. E21) di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM. Perak. Temubual, 6 Jun.



“Seni kriya sering disebut dengan istilah *Handycraft* yang berarti kerajinan tangan. Seni kriya termasuk seni rupa terapan *applied art* yang selain mempunyai aspek-aspek keindahan juga menekankan aspek kegunaan atau fungsi praktis. Artinya seni kriya adalah seni kerajinan tangan manusia yang diciptakan untuk memenuhi kebutuhan peralatan kehidupan sehari-hari dengan tidak melupakan pertimbangan artistik dan keindahan.”²¹

Jelas membuktikan bahawa konsep Seni Rupa Terapan yang diketengahkan oleh Adien Gunarta merupakan suatu konsep yang relevan dan boleh dikaitkan dengan kewujudan seni tembikar tradisional Terenang Pahang di Kuala Tembeling, Daerah Jerantut, Negeri Pahang.



Rajah 1.2 Venn-Diagram Konsep Seni Tembikar Tradisional Terenang Pahang

Berikut adalah *Venn-diagram* terbentuk berdasarkan kepada Konsep Seni Rupa Terapan Bentuk oleh yang diketengahkan oleh Adien Gunarta. Berpandukan kepada *Venn-Diagram* tersebut, A (Terenang) adalah merupakan hasil gabungan ‘Kecerdasan’, ‘Perasaan’ dan ‘Pengetahuan’ serta dipengaruhi oleh ‘Situasi

²¹ Adien Gunarta. (2010). *Konsep Karya Seni Rupa Terapan Bentuk (Pengertian Karya)*. Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/26800313/A-Konsep-Karya-Seni-Rupa-Terapan-Bentuk>



Persekutaran'. Keempat-empat elemen tersebut merupakan komponen penting serta saling berkait antara satu sama lain bagi mewujudkan seni tembikar Terenang Pahang (A).

Merujuk kepada kecerdasan (K), ia merupakan salah satu elemen yang berkaitan dengan jasmani manusia. Aspek kecerdasan adalah menjelaskan sifat pemikiran yang intelek dan cekap, yang mampu merencanakan, menyelesaikan sesuatu masalah, berfikiran abstrak dan kreatif. Manusia yang mempunyai akal yang cerdas sentiasa berfikir tentang kehendak, keperluan dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah dalam kehidupan seharian mereka.

Situasi tersebut berlaku pada masyarakat dahulu di Kampung Pasir Durian,



mencipta tembikar Terenang Pahang dari sumber dapatan tanah liat yang terdapat di kampung tersebut sebagai salah satu perkakas kegunaan harian mereka. Dengan kecerdasan akal mereka juga dapat melahirkan pemikiran yang intelek dan kreatif serta mampu mendorong daya mereka untuk menghasilkan suatu tembikar yang unik dan bermutu tinggi serta mempunyai pelbagai fungsi.

Namun pada hari ini, elemen (K) tersebut juga telah memperlihatkan tingkat daya pemikiran kreatif dan inovatif pembuat mahupun pengusaha tembikar Terenang Pahang dalam menghasilkan tembikar tersebut berbentuk revolusi yang baharu. Di samping mengekalkan reka bentuk asal tembikar Terenang, reka corak dan motif pada tembikar tersebut mengalami perubahan sejajar dengan fungsinya yang turut berubah mengikut kehendak semasa.





Manakala elemen perasaan (PS) adalah merupakan salah satu elemen yang berkaitan dengan rohani manusia. Perasaan adalah sesuatu yang berkait rapat dengan jiwa dan emosi manusia. Kedua-dua elemen ini menekankan tentang pengamatan pencipta yang didorong oleh suatu perasaan untuk memenuhi kehendak dan mencipta sesuatu barang iaitu tembikar bagi melengkapkan keperluan harian mereka.

Kaitannya elemen (PS) ini dengan masyarakat di Kuala Tembeling suatu ketika dahulu ialah mereka menganggap tembikar Terenang ini suatu produk tanah yang amat berguna dan berharga dalam budaya masyarakat ketika itu. Kegunaannya yang pelbagai fungsi bukan sekadar menjadi peralatan untuk menyimpan makanan, malahan turut dijadikan sebagai salah satu peralatan dalam sesuatu upacara budaya masyarakat Kuala Tembeling ketika itu. Antaranya ialah, digunakan dalam upacara



meminang dan upacara perubatan tradisional. Secara tidak langsung perkara tersebut menyentuh kepada elemen perasaan (PS) kerana ada diantara upacara tersebut berhubungkait dengan unsur kepercayaan atau dalam isitilah Bahasa Inggeris iaitu ‘*spiritual*’. Pernyataan ini disokong dengan kenyataan daripada Noriah Binti Mohd Ali (2011) iaitu;

“Dahulu tembikar ini (Terenang) digunakan sebagai bekas cincin bertunang dan juga untuk menyimpan air. Selain itu, ia juga digunakan untuk tujuan kesihatan terutama sekali ketika upacara menjampi.”²²

Tambahan pula kenyataan daripada Mohammad Bin Zakaria (2011);

“Terenang ini ibarat suatu benda yang berharga pada zaman dahulu.”²³

²² Noriah Binti Mohd Ali. (2011). Dekorasi Reka Bentuk Dan Ragam Hias (autobiografi no.17) di Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling. Jerantut, Pahang. Temubual, 16 Februari.

²³ Mohammad Bin Zakaria. (2011). Peranan Dan Fungsi (autobiografi no.17) di Temin Kraf Enterprise. Jerantut, Pahang. Temubual 16 Februari.





Pada hari ini, elemen perasaan (PS) dikaitkan pula dengan rasa tanggungjawabnya beberapa individu yang masih mengusahakan perusahaan tembikar Terenang atas dasar ingin mempertahankan warisan tembikar tradisi yang berasal dari Negeri Pahang ini. Sungguhpun perusahaan tembikar Terenang semakin berkurangan kerana beberapa faktor, antaranya ialah generasi muda hari ini kurang berminat meneruskan perusahaan tembikar tradisional tersebut, namun begitu terdapat beberapa individu masih mempunyai perasaan semangat yang kental untuk meneruskan perusahaan tembikar warisan dari Negeri Pahang ini.

Pernyataan ini disandang berdasarkan kepada kenyataan daripada pengusaha Temin Kraf Enterprise iaitu;

“Keuntungan bukanlah faktor utama yang menyebabkan saya ingin mewarisi kemahiran dan menceburi bidang perusahaan tembikar ini kerana sebab utamanya adalah untuk mengekalkan seni dan warisan kita daripada ia pupus”²⁴

Merujuk kepada ‘Venn-Diagram Konsep Seni Tembikar Tradisional Terenang Pahang’, elemen yang keempat pula ialah pengetahuan (PT). Pengetahuan adalah sesuatu yang lahir dalam minda pemikiran seseorang berdasarkan dengan adanya reaksi, sentuhan, hubungan dengan lingkungan serta persekitarannya. Pengetahuan meliputi emosi, tradisi, transformasi, informasi dan persepsi. Aspek pengetahuan ini perlu berkaitan dengan aspek kecerdasan akal dan perasaan manusia terutama sekali penduduk di Kampung Pasir Durian sehingga terciptanya suatu produk tembikar yang berkualiti bagi membantu memenuhi keperluan hidup mereka.

²⁴ Mohammad Bin Zakaria. (2011). Pengenalan (autobiografi no.3) di Temin Kraf Enterprise, Kampung Temin. Jerantut, Pahang. Temubual, 16 Februari.





Namun kini, aspek pengetahuan pula boleh dikaitkan dengan kebolehan berfikir pengusaha tembikar tradisional Terenang dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi masa kini untuk menghasilkan tembikar tersebut. Sebagai contoh, dahulu pengusaha tembikar di Pahang menggunakan lepa kayu untuk proses mengasingkan bendasing dalam tanah liat serta menyejat kandungan air dalam tanah tersebut. Tetapi kini, dengan adanya pengetahuan yang dipelajari dari tenaga pengajar luar, pengusaha tembikar tradisional di Pahang kini menggunakan lepa yang diperbuat daripada *plaster of paris* untuk menjalankan proses tersebut. Pernyataan ini berdasarkan kepada kenyataan daripada Salwa Ayob (2012) iaitu;

“Puan Jamilah selaku Pengarah Kraf tangan Daerah Jerantut ketika itu telah berusaha menghidupkan kembali perusahaan tersebut dengan membawa seorang tenaga pengajar dari Jepun untuk mengajar makcik-makcik di kampung itu membuat tembikar. Disebabkan makcik-makcik terlibat itu terdiri daripada mereka yang berpengalaman membuat tembikar, adalah tidak menjadi masalah kepada tenaga pengajar Jepun tersebut mengajar mereka. Cuma makcik-makcik tersebut baru didedahkan dengan cara penggunaan lepat yang diperbuat daripada *plaster of paris* untuk menyejat kandungan air dalam tanah.”²⁵

Elemen yang terakhir dalam konsep ini ialah situasi persekitaran (SP). Situasi persekitaran adalah terangkum dengan alam sekitar. Alam sekitar merupakan segala benda hidup dan bukan hidup yang wujud secara semulajadi di permukaan bumi atau sebahagian daripadanya. Persekutaran alam adalah hasil interaksi antara manusia dengan alam semulajadi.

Secara umumnya, sesuatu karya atau hasil seni yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat di sesuatu kawasan adalah kerana dipengaruhi oleh faktor alam persekitarannya. Khususnya dalam seni tembikar, faktor dapatan tanah yang berkualiti dan sesuai untuk menghasilkan produk tembikar sangat dititikberatkan. Persekutaran

²⁵ Salwa Ayob. (2012). Pengenalan (autobiografi no.A2) di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM. Perak. Temubual, 6 Jun.





alam juga mempengaruhi ragam hias yang terdapat pada permukaan tembikar tradisional. Perkara ini tidak dapat disangkal lagi kerana negara kita sememangnya masih mengekalkan alam semula jadi dengan cara memelihara dan memulihara flora dan fauna. Pernyataan ini diperkuuhkan lagi dengan kenyataan Wahiza Wahid (2001) dalam persidangan Tembikar Dari Warisan ke Wawasan iaitu;

“Unsur-unsur yang diilhamkan dari alam sekitar dan alam semula jadi (flora dan fauna) ini telah diolah dan digayakan serta dipermudah berdasarkan citarasa, pemikiran dan kreativiti petukang tembikar sendiri.”²⁶

Pernyataan tersebut jelas menyatakan bahawa unsur-unsur alam semulajadi merupakan sumber ilham pereka seni tembikar yang digayakan dan diolah menjadi reka bentuk dan ragam hias pada tembikar tersebut. Menurut Abdul Rahman Al-Ahmadi (2003) pula;

“Seramik tradisional telah memperkayaan khazanah seni sesebuah kawasan dengan penghasilan pelbagai reka bentuk dan ragam hias. Di sini, keindahan yang dipamerkan melambangkan kehalusan kebudayaan masyarakatnya.”²⁷

Oleh yang demikian, kewujudan seni seramik tradisional Terenang Pahang dengan reka bentuk dan ragam hiasnya yang unik, iaitu hasil adaptasi daripada sumber alam semulajadi oleh petukang tembikar itu sendiri telah memperkayaan khazanah seni di Kampung Pasir Durian serta menyerlahkan lambang kehalusan kebudayaan masyarakat di negeri tersebut.

Othman Mohd Yatim (2001) ada menyatakan setiap hasil ciptaan mereka ternyata bukan sahaja mempunyai fungsi yang tertentu tetapi mempunyai nilai estetika dalam alam persekitaran mereka dengan hasil yang cukup bermanfaat.²⁸

²⁶ Wahiza Wahid. (2001). Tembikar Melayu di Malaysia: Analisis Simbol dan Motif. Dalam *Tembikar Dari Warisan ke Wawasan* (m.s. 36-47). Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor.

²⁷ Abdul Rahman Al-Ahmadi. (2003). *Tamadun Rumpun Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.





Cetusan idea dan dapatan bahan media bagi sesuatu penghasilan tembikar adalah dipengaruhi oleh aspek situasi dan keadaan alam persekitaran kehidupan mereka. Oleh kerana itu, kecerdasan, perasaan dan pengetahuan seseorang adalah terangkum dalam situasi dan pengaruh keadaan persekitaran kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, hasil gabungan keempat-empat elemen Konsep Seni Tembikar Tradisional Terenang yang terdiri daripada kecerdasan, perasaan, pengetahuan dan situasi persekitaran telah mewujudkan beberapa gabungan elemen yang dilabelkan sebagai B1, B2 dan B3 pada *Venn-diagram* tersebut.

B1 adalah gabungan kecerdasan (K) dan perasaan (PS). Berpandukan kepada kajian ini, kecerdasan akal dapat melahirkan perasaan manusia bagi memenuhi sesuatu kehendak mereka. Kecerdasan akal yang dikaitkan dengan perasaan masyarakat Kampung Pasir Durian dapat melahirkan sesuatu idea baik kepada pemikiran pencipta tembikar tradisional untuk menghasilkan suatu tembikar bagi memenuhi keperluan kehidupan. Maka terhasilah salah satu seni rupa tembikar tradisional iaitu Terenang Pahang.

Selain dari itu, hasil dari gabungan kecerdasan, perasaan, pengetahuan dan situasi persekitaran juga mewujudkan satu kaitan antara perasaan dengan pengetahuan yang dikodkan sebagai B2. B2 adalah gabung daripada elemen perasaan (PS) dan pengetahuan (PT) yang menggambarkan bahawa elemen perasaan pereka tembikar tersebut perlu disandarkan kepada pengetahuan untuk menghasilkan seni rupa. Sebagai contoh, pencipta tembikar tradisional Terenang Pahang telah dapat

²⁸ Othman Mohd Yatim. (2001). Penggunaan Tembikar dalam Masyarakat Malaysia. Dalam *Tembikar Dari Warisan Ke Wawasan* (m.s. 100-121). Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor.





mengekspresikan perasaan yang bersandarkan kepada pengetahuan untuk melahirkan sumber idea bagi menghasilkan tembikar Terenang.

Kewujudan kod B3 pula adalah hasil daripada gabungan elemen pengetahuan (PT) dan kecerdasan (K). Pemikiran yang cerdas dan kreatif serta digandingkan dengan pengetahuan dapat memantapkan lagi idea dan menyumbang kepada daya keinginan serta kebolehan penciptaan sesuatu barang atau lebih dikenali sebagai produk. Dengan adanya idea dan daya tersebut, secara tidak langsung telah mewujudkan nilai estetik yang tinggi pada tembikar Terenang Pahang.

Elemen kecerdasan, perasaan dan pengetahuan adalah di dalam lingkungan pengaruh situasi dan persekitaran alam kehidupan manusia. Situasi dan persekitaran

alam adalah aspek yang sangat penting dalam proses merealisasikan sesuatu idea serta mencipta sesuatu produk. Dalam kajian ini, pencipta tembikar Terenang Pahang telah berjaya mengaplikasikan bahan dari sumber alam persekitaran sehingga dapat menghasilkan suatu rekaan tembikar yang berkualiti.

Selain daripada itu, situasi persekitaran alam juga telah memberi cetusan idea yang kreatif kepada pencipta tembikar Terenang Pahang dengan wujudnya motif-motif ragam hias yang unik berunsurkan alam semulajadi pada jasad tembikar tersebut. Kewujudan motif-motif sebegini memberi gambaran bahawa bertapa pembuat tembikar tersebut sebenarnya menghargai ciptaan Tuhan sebagai Maha Pencipta alam semesta.





Gabungan-gabungan yang terdiri daripada B1, B2 dan B3 adalah komponen yang penting bagi mewujudkan seni tembikar tradisional Terenang (A). Dengan wujudnya seni tembikar tradisional Terenang (A), maka secara tidak langsung juga menerbitkan kesenian dan budaya yang estetika dalam kelompok masyarakat Kampung Pasir Durian tersebut. Kesenian dan budaya estetika adalah hasil dari seni tembikar tradisional Terenang (A) yang telah dicipta dari gabungan unsur B1, B2 dan B3. Unsur-unsur tersebut pula wujud daripada percantuman antara elemen kecerdasan (K), perasaan (PS) dan pengetahuan (PT) yang dipengaruhi oleh faktor situasi persekitaran (SP). Oleh yang demikian, kesenian dan budaya estetika adalah suatu unsur yang lahir dari himpunan elemen kecerdasan (K), perasaan (PS), pengetahuan (PT) dan situasi persekitaran (SP) yang terhasil dari hubung kait di antara B1, B2 dan B3.



Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa Kerangka Teori Seni Rupa Terapan yang diutarakan oleh Adien Gunarta begitu sinonim dengan kewujudan sejarah tembikar tradisional Terenang Pahang. Bersandarkan kepada teori tersebut, maka terhasilnya ‘*Venn-diagram Konsep Seni Tembikar Tradisional Terenang Pahang*’ yang amat sesuai untuk diadaptasikan dalam penyelidikan ini.





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian penyelidikan yang dilaksanakan ini adalah penting kerana dapat mengetengahkan sejarah kewujudan seni tembikar tradisional Terenang di Kampung Pasir Durian, Kuala Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur secara umumnya. Penyelidikan ini juga dapat mengemukakan nilai-nilai estetik pada reka bentuk dan ragam hias yang terdapat pada tembikar tradisional tersebut. Dengan ini, secara tidak langsung dapat memberi sumber pengetahuan kepada masyarakat umum terhadap perkembangan seni tembikar tradisional Malaysia khususnya seni tembikar tradisional Terenang Pahang. Akhir sekali, penyelidikan ini akan menjadi suatu dokumentasi penting dan menjadi salah satu sumber rujukan mengenai perkembangan seni tembikar tradisional yang terdapat di Malaysia.

